



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

A. JAWATAN LANTIKAN:

1. Skim Perkhidmatan	: Pegawai Tadbir
GRED	: N41
KEKOSONGAN JAWATAN	: Satu (1) / Tetap
KLASIFIKASI	: Pentadbiran dan Sokongan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pengurusan dan Profesional
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM	: RM2,080.00 – RM9,546.00
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM225.00

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c)
 - i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00);
atau
 - ii) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (JAWATAN TETAP)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Penghulu, Penolong Pengurus Asrama, Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. DESKRIPSI TUGAS

Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar awam mengenai pengurusan sumber tenaga manusia dan organisasi, sumber kewangan, ekonomi, pentadbiran dan pembangunan wilayah/ daerah/ tempatan/ tanah, perancangan dan pentadbiran sosial, hubungan antarabangsa dan hal ehwal luar negeri (termasuk perkhidmatan luar negeri) keselamatan/ ketahanan negara serta pengurusan teknologi maklumat.

2. SKIM PERKHIDMATAN	: Jururawat
GRED	: U29
KEKOSONGAN JAWATAN	: Satu (1) / Kontrak
KLASIFIKASI	: Perubatan dan Kesihatan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM	: RM 1,797.00 – RM 5,753.00
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM145.00

1. SYARAT LANTIKAN:

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c) i. Diploma dalam bidang kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00).**

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS

Membantu Doktor dalam menjalankan tugas-tugas perawatan dalam memeriksa, mendiagnosis dan merawat penyakit yang ringan serta memberikan pendidikan kesihatan berkaitan kepada individu, kumpulan dan masyarakat. Mendispens, memesan dan menyimpan ubat-ubatan serta menyimpan semua rekod yang berkaitan dengan pendaftaran.

Pemulihan anggota dengan menggunakan senaman, cahaya elektrik, sejuk air, urut dan karan/elektrik. Merancang program rawatan kepada pesakit supaya dapat memberi kesan yang diperlukan. Membantu doktor menentukan jenis penyakit, misalnya menguji dengan cara elektrik. Memaklumkan kepada pegawai perubatan mengenai kesesuaian sesuatu skim rawatan terhadap seseorang pesakit.

3. SKIM PERKHIDMATAN	: Pembantu Operasi
GRED	: N11
KEKOSONGAN JAWATAN	: Dua (2) / Kontrak
KLASIFIKASI	: Pentadbiran Dan Sokongan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM	: RM 1,216.00 – RM 2,983.00
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM80.00

1. SYARAT LANTIKAN:

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c) i. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N11: RM1,216.00) ; atau
 - ii. PT3/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].
(Gaji permulaan pada Gred N11: RM1,262.15)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS

Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat sehari-hari melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen dan melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat.

4. SKIM PERKHIDMATAN	: Pembantu Awam
GRED	: H11
KEKOSONGAN JAWATAN	: Dua (2) / Kontrak
KLASIFIKASI	: Kemahiran
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM	RM1,218.00 – RM 2,983.00
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM80.00

1. SYARAT LANTIKAN:

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS

Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.

A. TEMPOH PERCUBAAN

Pegawai lantikan tetap adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

B. LATIHAN

Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**C. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN
(BAGI JAWATAN TETAP)**

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

D. PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN (BAGI JAWATAN TETAP)

Pegawai lantikan tetap adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- a) memenuhi tempoh percubaan;
- b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

E. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

F. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN :

- i) Imbuhan Tetap Perumahan
- ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
- iii) Bantuan Sara Hidup

G. CARA MEMBUAT PERMOHONAN :

Permohonan adalah secara *online* melalui laman web www.mbgpg.gov.my.
Semua dokumen hendaklah dimuat naik seperti berikut :


- a) Ringkasan latar belakang pendidikan, pekerjaan dan penglibatan luar (*Resume*)
- b) Salinan Kad Pengenalan dan Salinan Sijil Lahir
- c) Salinan Sijil-Sijil Akademik
- d) Salinan Sijil Berhenti Sekolah
- e) Salinan Lesen Memandu
- f) Gambar Warna Berukuran Passport
- g) Salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/ Diploma/Ijazah);

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 APRIL 2023

- i) Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir seumpama mengikut peraturan 17 Bab A Tahun 2005 dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan penamatan Perkhidmatan).
- ii) Hanya calon yang layak untuk ditemuduga sahaja akan dihubungi. Permohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

D. PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK:

- i) Permohonan yang **tidak disertakan dokumen yang lengkap**
- ii) Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan
- iii) Permohonan yang diterima **selepas tarikh tutup iklan**
- iv) Pemohon **tidak memenuhi/ tidak menepati syarat-syarat lantikan** jawatan yang diiklankan
- v) Tidak **menyertakan gambar passport** berwarna



DATO' ASMAN SHAH BIN ABD. RAHMAN
Datuk Bandar Pasir Gudang

Tarikh : 16 April 2023
Rujukan : MBPG:JKP/SM/2/21 Jld 2 (Ib)